

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 NOVEMBER 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 26

## Ekonomi negara berkembang 3.3%

Bernama

Kuala Lumpur


**E**konomi Malaysia berkembang sebanyak 3.3 peratus pada suku ketiga 2023 daripada 2.9 peratus pada suku kedua tahun ini, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, kata Bank Negara Malaysia (BNM).

Gabenor BNM Datuk Abdul Rasheed Ghaffour berkata, perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh pertumbuhan selanjutnya dari segi guna tenaga dan upah, manakala aktiviti pelaburan disokong oleh kemajuan projek berbilang tahun dan pengembangan kapasiti oleh syarikat.

"Eksport kekal lembab berikutan kelemahan permintaan luaran yang berpanjangan. Bagaimanapun, keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh masukannya pelancong asing yang kembali pulih.

"Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan, pembinaan dan pertanian terus menyokong pertumbuhan," katanya pada pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku ketiga, semalam.

Bagaimanapun, Abdul Rasheed berkata, ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan pengeluaran



EKSPORT kekal lembab berikutan kelemahan permintaan luaran yang berpanjangan.

PERMINTAAN DALAM NEGERI BERDAYA TAHAN

# EKONOMI NEGARA BERKEMBANG 3.3%

dalam sektor perkilangan disebabkan permintaan yang lemah terhadap produk elektrik dan elektronik

(E&E) serta pengeluaran produk petroleum bertapis yang lebih rendah.

Pada asas suku tahunan

terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang sebanyak 2.6 peratus (suku kedua 2023: 1.5 peratus),

manakala secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.9 peratus pada tiga suku per-

**Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan, pembinaan dan pertanian terus menyokong pertumbuhan"**

Abdul Rasheed

tama 2023, katanya.

Sementara itu, Abdul Rasheed berkata, inflasi keseluruhan terus menurun kepada 2.0 peratus (suku kedua 2023: 2.8 peratus) pada suku ketiga.

"Penurunan dicatatkan oleh inflasi bukan teras dan inflasi teras. Bagi inflasi bukan teras, makanan segar dan bahan api menyumbang kepada penurunan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, inflasi teras terus menurun kepada 2.5 peratus (suku kedua 2023: 3.4 peratus) tetapi kekal melebihi purata jangka panjang (purata 2011-2019: 2.0 peratus).

"Inflasi teras yang menurun ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh perkhidmatan terpilih termasuk makanan di luar rumah, perbelanjaan di restoran dan kafe serta pembaikan dan penyelenggaraan pengangkutan persendirian," katanya.